

17 tarik diri, dua tidak layak dalam pemilihan CEC DAP esok
Malaysian Insider
Sept 28 , 2013

Pengurus pemilihan DAP, Dr Ong Kian Ming memaklumkan, 17 calon Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) telah menarik diri dari bertanding manakala dua lagi tidak layak bertanding setelah keluar dari DAP menjelang pemilihan semula parti itu esok.

Lima dari mereka menarik diri menjelang pemilihan semula esok sebagaimana mereka juga menarik diri menjelang pemilihan yang dibuat tahun lalu. Mereka adalah Choong Siew Onn, Er Teck Hwa, Jaya Balan A/L Valliappan, Teo Kok Seong dan Yong Wui Wui (Violet).

Dua calon pula telah keluar dari DAP iaitu John Fernandez yang keluar DAP pada April 2013 dan bekas penasihat DAP Sabah Hiew King Cheu yang mengumumkan keluar DAP semalam menyebabkan mereka hilang kelayakan untuk bertanding.

Ong berkata, DAP juga mengesahkan telah menerima surat rasmi dari Hiew bahawa beliau telah keluar DAP semalam iaitu 27 September.

Menurut beliau, menjelang pemilihan semula esok juga, 12 telah menarik diri dari bertanding iaitu Ganabatirau A/L Veraman, Jagdeep Singh Deo, Kamache A/P Doray Rajoo, Khoo Poay Tiong, Manogaran A/L Marimuthu, Ng Chin Tsai, Ng Wei Aik, Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji, Siow Kim Leong, Soh Boon Hong, Tan Lee Koon dan Roseli bin Abdul Gani.

"Senarai 17 individu yang menarik diri dan dua yang meninggalkan DAP sehingga jam 6 petang 28 September 2013 akan diumumkan dalam Kongres Khas DAP esok.

"Bagaimanapun, nama mereka akan tetap ada dalam senarai calon CEC yang akan berlangsung esok," kata Ong dalam kenyataannya hari ini.

Adun Luyang, Sabah, Hiew King Cheu mengumumkan keluar DAP semalam dalam satu kenyataannya kepada The Malaysian Insider.

Sebelum ini, beliau telah didesak oleh empat ahli DAP Sabah agar diambil tindakan disiplin kerana menyokong Datuk Seri Lajim Ukin sebagai Ketua Pembangkang DUN Sabah sedangkan DAP mencadangkan Datuk Wilfred Bumburing untuk jawatan itu.

DAP membuat keputusan untuk mengadakan semula pemilihan pimpinannya selepas mendapat arahan dari Pendaftar Pertubuhan untuk berbuat demikian walaupun pada awal menolaknya.

Ini ekoran masalah pengiraan yang berlaku dalam pemilihan yang dibuat tahun lalu.

Ia akan diadakan pagi esok di One World Hotel, Petaling Jaya. - 28 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/17-tarik-diri-dua-tidak-layak-dalam-pemilihan-cec-dap-esok>

